

**Najib Ucap Selamat Maju Jaya Kepada Calon UPSR
Bernama
Sept 4, 2014**

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengucapkan selamat maju jaya kepada para pelajar yang akan menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Selasa depan.

Perdana menteri cuba mengusik para guru dan ibu bapa dengan berkata: "Saya rasa ibu bapa dan guru-guru lebih gemuruh berbanding pelajar yang akan duduki UPSR minggu depan!"

"Insya-Allah semua berjaya," kata Najib dalam catatan terbaharu Twitter beliau.

Sebanyak 473,175 calon mendaftar untuk menduduki UPSR dari 9 hingga 11 Sept ini.

Menurut Lembaga Peperiksaan, daripada jumlah itu 463,937 adalah calon sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan, manakala baki 9,238 merupakan calon sekolah swasta.

Sebanyak 8,299 pusat peperiksaan akan dibuka di seluruh negara bagi peperiksaan itu dan 51,438 petugas dilantik untuk memastikan ia berjalan lancar.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1066013>